

KENYATAAN AKHBAR

OPERASI MELAKSANAKAN WARAN TAHANAN (SITAAN) DAN KEMPEN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN MBPJ DI PERUMAHAN KOS RENDAH.

Pada tahun 2010 dan 2011, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan Operasi Melaksanakan Waran Tahanan (Sitaan) dan Kempen Bayaran Cukai Taksiran MBPJ di Perumahan Kos Rendah di Petaling Jaya dengan kerjasama daripada Persatuan Penduduk dan pihak JMB.

Jumlah keseluruhan yang berjaya di perolehi pada tahun 2010 dan 2011 adalah sebanyak RM342,630.08. Pada tahun 2010 jumlah kutipan yang telah diperolehi sempena kempen ini adalah sebanyak RM251,133.03 dan bagi tahun 2011 pula sebanyak RM91,497.05.

Pada tahun ini, Bahagian Hasil (Unit Tunggakan) MBPJ sekali lagi akan melaksanakan semula Operasi Melaksanakan Waran Tahanan (Sitaan) dan Kempen Bayaran Cukai Taksiran MBPJ di beberapa lokasi Perumahan Kos Rendah bagi mengurangkan tunggakan cukai taksiran.

Operasi kali ini akan diperkuatkan dengan 20 kumpulan 'Task Force' Waran Tahanan yang diketuai oleh seorang Penolong Akauntan, Jabatan Perbendaharaan MBPJ iaitu Encik Zey Iskandar Mohd Jalil, Penolong Akauntan, Jabatan Perbendaharaan.

Majlis akan memberi tumpuan kepada 5 lokasi yang mempunyai tunggakan cukai yang paling tinggi untuk dilaksanakan Tindakan Waran Tahanan. Melalui laporan operasi waran yang telah dilaksanakan pada tahun 2014 sebanyak 1,822 kes dengan jumlah tunggakan sebanyak RM2.97 juta telah dikenalpasti untuk diambil tindakan semasa Minggu Operasi Melaksanakan Waran Tahanan dan Kempen Bayaran Cukai Taksiran ini nanti.

Kedudukan bilangan kes dan jumlah tunggakan adalah seperti berikut:

Bil.	Seksyen	Bil Kes Yang Akan Diambil Tindakan Waran Tahanan	Jumlah Tunggakan Yang Akan Diambil Tindakan Waran Tahanan (RM)
1.	051A	77	132,228
2.	PJS	784	1,272,300.13
3	PJU	570	1,064,622.24
4.	PB00	227	380,018.10

5.	PU6A	164	119,496.05
Jumlah		1,822	2,968,664.52

Majlis juga telah menyediakan jadual operasi bagi Minggu Operasi Melaksanakan Waran Tahanan dan Kempen Bayaran Cukai Taksiran MBPJ di 5 lokasi kawasan perumahan kos rendah yang telah dipilih.

Jadual Operasi Melaksanakan Waran Tahanan dan Minggu Kempen Bayaran Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran A**.

Bersempena dengan Minggu Kempen Bayaran Cukai Taksiran ini juga, Majlis akan menyediakan cenderahati bagi memberi insentif dan galakan kepada pembayar Cukai untuk menjelaskan tunggakan cukai mereka.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695